

Terapkan budaya penyelidikan, inovasi dan teknologi dalam jabatan

JKR perlu jadi ejen perubahan

KUALA LUMPUR – Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mahu Jabatan Kerja Raya (JKR) memainkan peranan yang lebih besar dengan menjadi ejen perubahan dalam pembangunan negara dan bukan hanya berperanan sebagai jabatan teknikal semata-mata.

Beliau berkata, walaupun fungsi utama JKR membina sesuatu bangunan atau kemudahan lain, namun jabatan itu boleh mengenal pasti kaedah atau teknologi baharu untuk pembinaan yang akan menguntungkan kerajaan dan rakyat.

“Kita mesti melihat apakah kaedah yang digunakan boleh membantu kepada pencapaian petunjuk prestasi utama (KPI) kita atau apa-apa untuk negara kita.

“Sebagai contoh, pemilikan rumah mampu milik, kita boleh menjadikan ia lebih selesa dengan bangunan yang lebih moden kerana adanya teknologi lebih baik dan terkini untuk pembinaan,” katanya ketika berucap merasmikan Menara Kerja Raya di sini semalam.

Beliau berkata, sebagai sebuah jabatan teknikal, JKR perlu menerapkan budaya penyelidikan, inovasi



NAJIB menandatangani plak perasmian Menara Jabatan Kerja Raya (JKR) di Jalan Sultan Salahuddin, Kuala Lumpur semalam. Turut kelihatan, Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof (kanan).

dan teknologi terkini dan tidak boleh berpuas hati dengan kemahiran dan aplikasi teknologi sedia ada.

Najib berkata, jabatan itu perlu mengambil langkah berani untuk menggunakan teknologi baharu yang telah dikenal pasti dalam sesuatu projek pembinaan.

“Ia bukan hanya mengenai mendirikan sesebuah bangunan, tetapi kesan daripada pembinaan itu boleh membawa kepada limpahan kebaikan kepada dimensi yang lain, seperti pemilikan rumah mampu milik atau se-

kolah-sekolah luar bandar,” katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, pembinaan Menara Kerja Raya adalah contoh pembangunan yang berlandaskan kepada konsep mesra alam dan pembangunan mapan yang dihasrat kerajaan.

Katanya konsep tersebut amat penting dalam merealisasikan hasrat dan aspirasi kerajaan untuk menjadi sebuah negara maju dan berjaya menerusi dasar Transformasi Nasional 50 (TN50). – Bernama

INFO Menara Kerja Raya

- **Ketinggian:** 175 meter
- **Jumlah tingkat:** 37
- **Lokasi:** Jalan Sultan Salahuddin, Kuala Lumpur
- **Kos Pembinaan:** RM309 juta
- **Pemilik:** Kementerian Kerja Raya
- **Keistimewaan:** Mempunyai ciri bangunan hijau menerusi kecekapan tenaga, air dan penggunaan bahan mesra alam.



TIGA kakitangan Kementerian Kerja Raya bergambar dengan berlatarbelakangkan Menara Kerja Raya.